

23 SEP 2000

Mahathir-Sekolah

DR MAHATHIR SEDIH KONSEP SEKOLAH WAWASAN DITENTANG

PULAU PINANG, 23 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedihnya apabila konsep Sekolah Wawasan yang menempatkan bersama sekolah-sekolah berlainan aliran dalam satu kampus ditentang dan dijadikan isu perkauman.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan tidak berhajat untuk mengasimilisasikan kaum lain tetapi sekurang-kurangnya kerajaan patut mengintegrasikan kaum-kaum melalui penempatan bersama sekolah-sekolah.

"Pendekatan ini amatlah sederhana. Sekolah masih berasingan, hanya perhimpunan dan sukan sahaja yang akan diadakan bersama," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Parti Gerakan di sini.

"Amatlah sedih apabila ini dijadikan isu perkauman dan ditentang hebat," katanya sambil menjelaskan pada peringkat pra-sekolah juga semua kaum mesti ada bersama.

Kerajaan tidak berhajat menghapuskan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sesuatu yang istimewa di negara ini walaupun tidak ada negara di dunia sama ada maju atau tidak maju yang membenarkan rakyat yang berasal dari kaum pendatang mengadakan sekolahnya sendiri, katanya.

Beliau berkata, apabila rakyat berpindah ke pusat pertumbuhan baru, maka tidak dapat dielakkan daripada mengadakan sekolah-sekolah yang baru, lagipun bilangan penduduk dan kanak-kanak sudah bertambah.

"Apa salahnya jika sekolah-sekolah daripada aliran yang berlainan ditempatkan di kampus yang sama untuk kita rapatkan penuntut-penuntut sekolah daripada pelbagai kaum," katanya.

"Apakah rakyat negara ini ingin melihat generasi akan datang tidak langsung berkenalan semasa mereka bersekolah?" tanya Perdana Menteri.

Bilangan bukan Bumiputera yang pergi ke sekolah kebangsaan sudah berkurangan kerana sebab-sebab tertentu dan jika sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan dipisahkan sehingga murid dari sekolah-sekolah ini tidak akan bertemu sama sekali, beliau bertanya apakah dapat rakyat mengekalkan keharmonian antara kaum yang terdapat sekarang.

Beliau berkata di universiti pula, apabila percubaan dibuat untuk menempatkan penuntut di asrama yang sama, ada yang menentang kononnya ini akan mengganggu mereka.

Katanya, dunia yang sebenar "the real world" memaksa kita bertemu dan mengurus dengan orang daripada bangsa lain.

"Jika kita tidak pernah berjumpa dengan orang daripada bangsa lain, tentulah kita tidak dapat menjalin hubungan yang bermakna dengan mereka," katanya.

Di luar negara pula, apabila penuntut dihantar belajar, mereka bukan sahaja tidak bercampur dengan orang tempatan atau penuntut Malaysia dari kaum lain tetapi mereka hanya tinggal bersama rakan dari negeri masing-masing, katanya.

"Orang Kelantan dengan orang Kelantan, orang Kedah dengan orang Kedah dan seterusnya," katanya.

Jika tujuan menghantar mereka ke luar negara ialah untuk memperluaskan pandangan mereka, ini tidak mungkin tercapai kerana pada asasnya mereka masih berada di negeri masing-masing, katanya.

-- BERNAMA

AHM AZZ PR